

Headline	Impian tercapai		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	02 Oct 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	214,000
Page No	77	Readership	642,000
Language	Malay	ArticleSize	440 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,966
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,898



**HARIAN METRO**

Mohamad Fahd Rahmat  
Fahd@hmetro.com.my

Pagoh

“**S**aya menunggu selama dua tahun dan syukur kerana menerima rumah baru memandangkan sebelum ini saya, isteri dan tiga anak berusia 11 hingga setahun terpaksa menumpang bersama ibu mentua,” kata penerima Skim Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia (RMR1M) di Parlimen Pagoh, Shafie Ismail, 38, semalam.

Shafie antara 103 penerima RMR1M Parlimen Pagoh disampaikan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Johor, Ismail Mohamed di Sekolah Kebangsaan LKTP Batu 27, Lenga, di sini, semalam.

RMR1M memberikan rumah tiga bilik dua bilik air di tanah seluas 1,000 kaki persegi itu dan dijual dengan harga RM65,000. Harga jualan itu ditawarkan selepas penerima diberikan subsidi RM20,000 oleh kerajaan.

Shafie berkata, rumahnya



PENERIMA Skim RMR1M di Parlimen Pagoh disampaikan Ismail (tengah) di Kampung Batu 27, Lenga.

## Impian tercapai

■ 103 penerima RMR1M syukur rumah bakal siap dalam 6 bulan

itu akan dibina di Kampung Kundang Ulu Parit Simpang Ledang dan berharap ia dapat disiapkan secepat mungkin kerana tidak sabar untuk tinggal bersama keluarga sendiri.

“Skim bantuan ini amat bagus untuk mereka berpendapatan rendah dan me-

miliki tanah sendiri. Bantuan ini meringankan beban saya berbanding jika terpaksa membeli rumah dengan saiz sama oleh pemaju swasta.

“Ini kerana, jika terpaksa membeli sendiri harga jualan paling murah sekalipun RM120,000,” katanya ketika

ditemui selepas menerima bantuan berkenaan.

Hadir sama, Pengerusi Syarikat Perumahan Negara (SPNB) Datuk Dr Hj Abd Latiff Ahmad.

Pekerja swasta, Alfi Hazrid Hamzah, 34, berkata, selain subsidi RM20,000, penerima

RMR1M menerima subsidi kadar faedah pinjaman bernilai RM11,840 dalam tempoh 25 tahun.

“Saya dan adik menjadi penjamin pinjaman rumah atas nama ibu yang kini berusia 63 tahun kerana dibina atas tanah miliknya.

johor

77

**FAKTA**

Harga jualan ditawarkan RM65,000 selepas penerima diberi subsidi RM20,000 oleh kerajaan

“Saya bersyukur kerana akhirnya menerima bantuan ini selepas empat tahun menunggu dan

apabila siap nanti saya akan tinggal bersama ibu dan adik perempuan di Kampung Parit Raja Gersik Tangkak,” katanya.

Pemandu lori, Kamzani Pakir, 53, berkata, dia bersyukur dan gembira kerana impian memiliki rumah sendiri akhirnya tercapai.

Katanya, dia lega menerima bantuan berkenaan selepas lebih tiga tahun menunggu dan kediaman tiga bilik dua bilik air berkeluasan 1,000 kaki persegi itu bakal siap dalam tempoh enam bulan.

“Ketika ini saya menyewa rumah di Sungai Rambai Muar diduduki empat anak dan isteri. Saya bersyukur kerana akhirnya rumah sendiri dapat dibina.

Rumah dengan subsidi kerajaan RM20,000 itu dijual dengan harga RM65,000 dan bakal siap dalam tempoh enam bulan seperti dijanjikan pemaju di Kampung Jawa, Lenga.